



EVALUASI TAHAP PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN PELAJAR UMSKAL BERKAITAN KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH: IMPLIKASI TERHADAP KURIKULUM PENDIDIKAN TINGGI

*Evaluation of The Level of Knowledge And Understanding of UMSKAL Students
Related to Integrity and Anti-Corruption Courses: Implications for The Higher
Education Curriculum*

***Norcikeyonn Samuni¹, Suhailah Abdul Muin², Nor-Ina Kanyo³**

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan,
87000, Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia.

²Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Malaysia Sabah,
84000, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

³Institut Kajian Orang Asal Borneo,
Universiti Malaysia Sabah,
84000, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

*Corresponding author's email: norcikeyonnsamuni89@ums.edu.my

Submitted: 03-Mar-2025	Accepted: 13-Mar-2025	Revised: 27-Jun-2025	Published: 29-Jun-2025
----------------------------------	---------------------------------	--------------------------------	----------------------------------

Abstrak

Pengenalan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) sebagai Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) di institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan inisiatif proaktif dalam mereformasi kurikulum ke arah melahirkan graduan beretika dan berintegriti. Kajian ini menilai tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap KIAR serta implikasinya terhadap pengukuhan nilai dalam kurikulum pendidikan tinggi. Peningkatan kes rasuah, termasuk penglibatan golongan muda, mengukuhkan keperluan pendidikan nilai yang lebih menyeluruh di IPT. Bagi tujuan ini, kajian awal telah dilaksanakan melibatkan 66 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang telah mengikuti kursus KIAR. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan pengumpulan data melalui soal selidik atas talian menggunakan platform Microsoft 365 Office, dan dianalisis menerusi teknik frekuensi dan skala Likert. Tiga objektif utama kajian ialah menilai tahap pengetahuan pelajar tentang KIAR, menganalisis pengaruhnya terhadap pengamalan nilai integriti, serta mengenal pasti implikasi terhadap penambahbaikan kurikulum. Dapatan menunjukkan bahawa kursus ini berupaya meningkatkan pengetahuan asas pelajar berkaitan integriti dan antirasuah. Walau bagaimanapun, pelajar masih menunjukkan tahap pemahaman yang terhad terhadap konsep-konsep tertentu, khususnya dalam membezakan antara rasuah dan pemberian hadiah. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada penambahbaikan kurikulum yang lebih holistik dan relevan dalam usaha memperkukuh nilai integriti dalam kalangan warga IPT.

Kata kunci: Integriti, Antirasuah, Pendidikan Tinggi, Kurikulum, Pengetahuan Pelajar

Abstract

The introduction of the Integrity and Anti-Corruption Course (KIAR) as a General Studies subject (MPU) in higher education institutions (HEIs) is a proactive initiative to reform the curriculum towards producing ethical and integrity-driven graduates. This study evaluates students' level of knowledge and understanding of KIAR and

its implications for strengthening values in higher education curricula. The rising number of corruption cases, including the involvement of youth, reinforces the need for more comprehensive value-based education in HEIs. To address this, a preliminary study was conducted involving 66 students from Universiti Malaysia Sabah, Labuan International Campus (UMSKAL) who had completed the KIAR course. This study employed a quantitative approach, with data collected via an online questionnaire using the Microsoft 365 Office platform and analysed using frequency and Likert scale techniques. The study aimed to achieve three main objectives: to assess students' knowledge of KIAR, to analyse its impact on the practice of values, and to identify its implications for curriculum enhancement. The findings indicate that the course successfully increased students' basic knowledge of integrity and anti-corruption. However, students still demonstrated limited understanding of certain concepts, particularly in distinguishing between corruption and gift-giving. It is hoped that this study will contribute to the improvement of a more holistic and relevant curriculum to strengthen integrity values among members of HEIs.

Keywords: Integrity, Anti-Corruption, Higher Education, Curriculum, Student Knowledge

1.0 PENGENALAN

Integriti dan antirasuah merupakan aspek penting dalam pembentukan moral dan etika dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Di Malaysia, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan institusi pendidikan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan integriti dan amalan bebas rasuah. Salah satu usaha penting ini adalah dengan memperkenalkan subjek Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) sebagai salah satu Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). KIAR diwujudkan untuk membina kesedaran mendalam dalam kalangan pelajar tentang isu-isu berkaitan integriti, etika, dan amalan antirasuah. Subjek ini mula diimplementasikan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) secara rasmi pada tahun 2019 sebagai sebahagian daripada inisiatif nasional untuk memerangi gejala rasuah melalui pendidikan (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [SPRM], 2021).

Mata Pelajaran KIAR juga diwujudkan bertujuan untuk memperkasa pengetahuan dan kefahaman pelajar mengenai konsep integriti, risiko dan implikasi rasuah dalam kehidupan seharian dan persekitaran pekerjaan. Sesuai dengan ayat Al-Quran berikut;

Terjemahan: "Dan janganlah kamu makan harta sesama kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa perkara itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian harta orang lain itu dengan dosa, padahal kamu mengetahui."

Surah Al-Baqarah (2:188)

Ayat al-Quran ini memberikan peringatan yang jelas kepada umat Islam agar tidak mengambil atau menggunakan harta orang lain secara tidak sah, termasuk melalui perbuatan rasuah, penipuan, dan penyalahgunaan kuasa. Larangan ini merujuk kepada ketidakadilan dalam pengurusan harta, sama ada melalui saluran perundangan mahupun kuasa yang disalahgunakan (al-Maraghi, 2001; Tafsir al-Muyassar). Sebagai contoh, Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM, 2022) merekodkan kes penyelewengan dana bantuan COVID-19 yang melibatkan pegawai agensi kerajaan dan syarikat swasta. Dalam kes ini, individu terbabit menyalurkan tuntutan palsu dan menyalahgunakan kedudukan untuk memperoleh dana yang sepatutnya disalurkan kepada golongan

memerlukan. Tindakan ini secara langsung mencabuli prinsip keadilan dan integriti yang ditekankan dalam ayat tersebut.

Sehubungan dengan itu, KIAR juga bertujuan untuk memupuk kesedaran kritikal mengenai peranan individu dalam menjaga integriti diri dan masyarakat. Dengan kurikulum yang dibangunkan khusus untuk IPT, subjek ini menekankan pada pembinaan nilai-nilai moral yang teguh dan penolakan terhadap sebarang bentuk korupsi. Sebagai contoh, pendidikan antikorupsi di SMAN 4 Gorontalo menekankan peranan guru sebagai agen utama dalam membentuk kesedaran moral pelajar. Dengan mengintegrasikan nilai-nilai antikorupsi dalam pengajaran, guru bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi juga berperanan sebagai teladan dalam mengamalkan sikap berintegriti dan jujur. Pendekatan pembelajaran interaktif, seperti diskusi dan projek berkumpulan, membantu pelajar memahami serta menghayati nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Namun, keberkesanan strategi ini bergantung pada komitmen semua pihak, termasuk guru, ibu bapa, dan masyarakat, dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menerapkan budaya antikorupsi secara berterusan, (Rusli et al., 2024).

Evaluasi terhadap tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar mengenai Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) amat penting bagi menjamin keberkesanan subjek ini dalam menyampaikan objektif utamanya. Kajian oleh Hadijah et al. (2023) menunjukkan bahawa KIAR bukan sahaja berupaya meningkatkan kesedaran pelajar terhadap bahaya rasuah, malah turut membentuk persepsi yang lebih tegas dalam menolak amalan tersebut, sekali gus mendorong kepada pembudayaan nilai tanggungjawab dalam kehidupan harian. Namun begitu, keberkesanan KIAR secara optimum hanya dapat dicapai melalui penambahbaikan berterusan terhadap kandungan kurikulum dan strategi pengajaran, termasuk penerapan kaedah interaktif serta penggunaan kajian kes yang bersifat praktikal.

Menurut Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2025, kursus Training of Trainer (TOT) KIAR dirangka untuk meningkatkan kompetensi tenaga pengajar dalam melaksanakan program KIAR di institusi pengajian tinggi. Peserta kursus ini diberi pendedahan mendalam tentang kaedah pengajaran yang berkesan, strategi komunikasi, dan pendekatan interaktif yang relevan untuk topik integriti dan antirasuah. Kursus ini juga merangkumi teknik penilaian dan latihan interaktif yang dapat membantu tenaga pengajar menyampaikan kandungan KIAR dengan lebih berkesan, memastikan objektif program untuk membina generasi muda yang beretika dan berintegriti tercapai, (Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, 2024)

Di Universiti Malaysia Sabah (UMS), KIAR mula ditawarkan sebagai subjek elektif dalam gugusan liberal di bawah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) bermula Semester 1 Sesi 2022/2023. Oleh kerana kursus ini masih berada dalam fasa awal pelaksanaan, ia memerlukan proses penerimaan dan penghayatan yang mendalam daripada kedua-dua pihak sama ada tenaga pengajar dan pelajar bagi memastikan matlamat pendidikan nilai dan integriti dapat dicapai secara berkesan. Secara tidak langsung, pelaksanaan KIAR memberi implikasi penting kepada reformasi kurikulum pendidikan tinggi, khususnya dalam memperkukuh pendidikan berasaskan nilai, memperluas dimensi pembelajaran holistik, dan melahirkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga beretika dalam menghadapi cabaran dunia sebenar.

2.0 ISU DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini menumpukan kepada tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap konsep integriti dan antirasuah melalui Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR). Meskipun kursus ini telah diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia sejak 2019, keberkesanannya dalam membentuk sikap dan amalan pelajar masih dipersoalkan. Cabaran utama adalah memastikan pelajar benar-benar menghayati serta memahami nilai-nilai integriti dan etika yang diterapkan. Kajian oleh Ayu Nor Azilah Mohamad et al. (2023) menyokong situasi ini dengan mendapati bahawa pelajar IPT masih kurang kesedaran dan pemahaman mendalam mengenai pelbagai bentuk rasuah. Kekurangan ini menjadi cabaran utama dalam usaha mencegah jenayah rasuah di peringkat IPT.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Norazlan Mohd Razali menegaskan bahawa KIAR akan dilaksanakan secara sistematik dan berstruktur di institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isu rasuah. Inisiatif ini bertujuan untuk memberi kesedaran awal kepada golongan belia tentang kesan buruk rasuah bukan sahaja kepada diri sendiri, malah kepada negara, serta membentuk nilai integriti agar mereka tidak terjebak sama ada sebagai pemberi atau penerima rasuah. Tambahan beliau, sejak tahun 2020 hingga kini, seramai 275 belia berusia 18 hingga 30 tahun telah ditahan atas kesalahan rasuah, dan daripada jumlah itu, 151 individu telah didakwa di mahkamah, dengan 85 daripadanya didapati bersalah, (Sinar Harian, 04 Jun 2022).

Selain itu, masalah utama yang sering dihadapi adalah keberkesanan pedagogi atau kaedah pengajaran yang digunakan dalam menyampaikan kursus ini. Kaedah pengajaran tradisional seperti ceramah dan pembentangan didapati kurang berkesan dalam menarik minat pelajar, terutamanya bagi subjek yang bersifat abstrak seperti kursus integriti dan antirasuah. Justeru, pendekatan yang lebih interaktif dan berasaskan pengalaman seperti kajian kes, latihan simulasi, dan pendedahan kepada kes-kes sebenar disarankan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian kandungan kursus. Langkah ini dilihat mampu membentuk mahasiswa sebagai agen perubahan yang berupaya menolak amalan rasuah dalam masyarakat (Bahagian Audit Dalam, Universiti Putra Malaysia, 2023). Dalam konteks UMSKAL, cabaran ini mungkin lebih ketara memandangkan lokasi kampus yang terpencil dan keterbatasan akses kepada sumber pendidikan menyeluruh. Oleh itu, strategi pengajaran yang lebih kreatif dan interaktif amat diperlukan agar pelajar dapat memahami serta menghayati nilai integriti yang diterapkan dalam kursus ini.

Di samping itu, terdapat juga masalah berkaitan dengan tahap penerimaan pelajar terhadap kursus ini. Walaupun kursus KIAR telah diangkat menjadi salah satu kursus wajib universiti, beberapa pelajar mungkin hanya menganggapnya sebagai satu lagi kursus akademik yang perlu dilalui untuk memenuhi syarat graduasi. Pun begitu, Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) yakin bahawa pelaksanaan Kursus Integriti dan Antirasuah di semua institusi pengajian tinggi (IPT) bermula tahun 2023 akan menjadikan pelajar lebih cakna terhadap kesan dan akibat rasuah. Naib Presidennya, CT Faizah Abdul Rahman menjelaskan bahawa KIAR telah disusun sebagai subjek yang sistematik dan berstruktur bagi membantu pelajar memahami rasuah dengan lebih mendalam. Beliau menegaskan bahawa kursus ini membolehkan pelajar memahami kesan rasuah yang bukan sahaja memudaratkan diri sendiri tetapi juga mencemarkan imej negara. Selain itu, kursus ini turut memberi pendedahan serta kesedaran kepada pelajar agar mereka tidak meminta atau memberi rasuah kepada mana-mana pihak, (Astro Awani, 07 Jun 2022).

Kajian ini penting dalam menilai keberkesanan pendidikan integriti di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), khususnya dalam memperbaiki kurikulum dan kaedah

pengajaran berkaitan integriti dan antirasuah. Keberkesanan pendidikan ini tidak hanya melibatkan pengetahuan pelajar tentang rasuah, tetapi juga pembentukan sikap dan komitmen mereka terhadap integriti dalam kehidupan profesional dan peribadi. Dalam konteks reformasi kurikulum, penambahbaikan berterusan melalui kaedah pengajaran interaktif dan kajian kes praktikal akan memperkukuh peranan IPT dalam melahirkan graduan yang beretika dan berintegriti, seterusnya menyokong usaha pencegahan rasuah di Malaysia (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2021; Kementerian Pendidikan Tinggi, 2023; Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2023).

3.0 SOROTAN LITERATUR

Hadijah dan Anas (2024) telah melaksanakan kajian untuk meninjau ketersediaan pelaksanaan kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini memperincikan dapatan berkaitan pengetahuan am masalah rasuah dalam negara, sikap kognitif dan sikap efektif mahasiswa terhadap rasuah serta niat tingkah laku mahasiswa untuk rasuah atau tidak rasuah pada masa akan datang. Kajian ini menggunakan korelasi deskriptif sebagai metodologi penyelidikan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa masih terdapat banyak perkara yang perlu diberikan perhatian terhadap kajian-kajian berkaitan impak Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) iaitu salah satu kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) terhadap sikap dan tingkah laku mahasiswa dalam menangani cabaran rasuah termasuk kajian korelasi antara sikap dan tingkah laku yang mempertimbangkan konteks sosial dan budaya tempatan.

Sementara itu, kajian Mohd Zain@Matjin et al., (2024) pula dilaksanakan adalah untuk menilai kesan amalan integriti terhadap kualiti guru dan meningkatkan tahap profesionalisme guru di kawasan luar bandar. Metodologi yang digunakan melibatkan kajian literatur yang mendalam, serta penerapan Teori Psikologi Peribadi dan Model Pengukuhan Integriti sebagai kerangka teori. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengamalan integriti yang tinggi dalam kalangan guru dapat memperbaiki kualiti pengajaran dan meningkatkan kredibiliti mereka, seterusnya menyokong pelaksanaan Pelan Integriti Nasional. Kajian ini juga memberi sumbangan kepada pengurusan amalan integriti dalam sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia, terutamanya dalam usaha meningkatkan kualiti dan profesionalisme pengajaran.

Kajian Rahman et al., (2024) membincangkan fenomena rasuah sebagai isu sosial yang berlarutan dan merosakkan imej negara, dengan statistik menunjukkan peningkatan tangkapan rasuah di Malaysia dari 552 kes pada tahun 2014 kepada 847 kes pada tahun 2021. Artikel ini meneliti peranan kerajaan dalam memerangi rasuah, serta usaha dan inisiatif dalam pendidikan antirasuah, dan impaknya terhadap pelajar dan masyarakat. Metodologi yang digunakan adalah kajian kualitatif melalui pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa program pendidikan antirasuah adalah penting untuk membendung isu rasuah, dan ianya perlu diintegrasikan dalam silibus pembelajaran bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, kerajaan disarankan untuk memberi perhatian serius terhadap pendidikan antirasuah sebagai langkah pencegahan yang berkesan.

Pendidikan antirasuah berperanan penting dalam membentuk masyarakat yang berintegriti dan beretika, sekaligus mengurangkan amalan rasuah di peringkat global. Kajian oleh Heliany et al., (2023) menegaskan bahawa pendidikan ini perlu diterapkan secara menyeluruh bermula dari peringkat rendah hingga pendidikan

tinggi bagi memastikan pelajar membina asas moral yang kukuh sejak awal. Pendekatan bersepadu ini bukan sahaja membantu meningkatkan kesedaran tentang bahaya rasuah, tetapi juga membentuk pemikiran kritis dan sikap bertanggungjawab dalam kalangan generasi muda. Oleh itu, pelaksanaan pendidikan antirasuah yang sistematik dan berterusan adalah kunci utama dalam membina masyarakat yang telus, adil, dan bebas rasuah pada masa hadapan.

Mohamed Zin et al., (2023) menjalankan kajian untuk menilai tahap pemahaman pelajar program teknologi kejuruteraan mengenai integriti dan rasuah di Universiti Kuala Lumpur (UniKL). 89 pelajar yang mengambil Kursus Integriti dan Antirasuah sebagai mata pelajaran elektif telah ditemu bual. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden memahami konsep integriti dan kesan negatif rasuah terhadap negara. Walau bagaimanapun, terdapat tanggapan bahawa beberapa bentuk amalan rasuah tertentu masih boleh diterima. Kajian ini mencadangkan agar KIAR diperbaiki dan dijadikan mata pelajaran wajib bagi semua pelajar di universiti untuk memastikan mereka mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang integriti serta rasuah sebagai jenayah yang perlu dibanteras.

Kertas kerja Mohamad Tarmize (2020) membincangkan peranan penting pendidik dalam membentuk generasi berintegriti serta menentang rasuah, di samping menyoroti isu segelintir pendidik yang terlibat dalam jenayah tersebut. Berdasarkan analisis kandungan kes rasuah sebenar yang melibatkan pendidik, kajian ini mengenal pasti empat tema utama iaitu meminta dan menerima rasuah, menawar dan memberi rasuah, mengemukakan tuntutan palsu, serta menyalahgunakan jawatan awam untuk keuntungan peribadi, selari dengan Akta SPRM 2009. Selain itu, kajian ini turut menggariskan langkah pencegahan yang perlu diambil oleh pendidik bagi memelihara integriti dan mengukuhkan budaya antirasuah dalam sistem pendidikan negara

Sementara itu, Universiti Georgetown pula telah menubuhkan Kennedy Institute of Ethics (KIE) pada tahun 1971 sebagai pusat akademik utama dalam kajian dan pendidikan bioetika serta integriti akademik. KIE juga menjalankan penyelidikan berimpak tinggi mengenai etika kecerdasan buatan (AI), hak asasi manusia, dan dilema bioetika dalam penjagaan kesihatan serta turut menganjurkan pelbagai bengkel dan seminar yang menghimpunkan akademik, pembuat dasar, serta profesional industri bagi membincangkan cabaran etika, sekaligus membentuk budaya akademik dan profesional yang berasaskan prinsip moral serta keadilan, (Georgetown University, 2025).

Hasil tinjauan literatur menunjukkan bahawa terdapat pelbagai pendekatan dan penemuan berkaitan pendidikan antirasuah dan integriti, dengan penekanan terhadap kepentingan kursus seperti Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) dalam membentuk sikap dan tingkah laku mahasiswa. Namun, terdapat kelompangan yang ketara dalam penelitian tentang implikasi jangka panjang pengajaran ini, terutamanya bagaimana mahasiswa menerapkan nilai-nilai integriti dalam konteks profesional mereka setelah menamatkan pengajian.

Selain itu, kajian-kajian tersebut tidak secara mendalam mengkaji pengaruh latar belakang sosioekonomi terhadap penerimaan dan penghayatan kursus KIAR dalam kalangan pelajar, yang penting untuk memastikan kesan pendidikan ini lebih inklusif dan berkesan di seluruh institusi pengajian tinggi di Malaysia. Pengabaian aspek ini boleh menyekat pemahaman yang lebih holistik mengenai keberkesanan kursus tersebut dalam mendidik generasi masa depan yang berintegriti. Oleh itu, kajian ini boleh menyumbang dengan menyediakan panduan praktikal untuk penambahbaikan kurikulum dan kaedah pengajaran yang lebih berkesan dalam pendidikan integriti di IPT Malaysia, khususnya di UMSKAL.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- Menilai Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Pelajar UMSKAL terhadap Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR)
- Menganalisis Kesan Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) Terhadap Pengamalan Nilai Integriti Pelajar UMSKAL
- Menentukan Implikasi Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) Terhadap Peningkatan Kurikulum Pendidikan Tinggi

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis dan menilai persepsi pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang mengikuti kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR). Populasi kajian terdiri daripada pelajar yang terdedah kepada sukatan pelajaran, objektif pembelajaran dan kandungan kursus yang sama, menjadikannya populasi homogen dan sesuai untuk analisis yang konsisten. Kajian ini melibatkan 66 orang pelajar sebagai sampel, bersesuaian dengan saranan Krejcie dan Morgan (1970) yang menyatakan bahawa bagi populasi sekitar 80 hingga 100 orang, saiz sampel tersebut adalah mencukupi. Cohen et al. (2018) turut menegaskan bahawa bagi kajian kuantitatif berskala kecil melibatkan populasi seragam, sampel antara 30 hingga 100 responden adalah memadai. Pengumpulan data dijalankan menggunakan soal selidik berskala Likert, yang membolehkan pengukuran pembolehubah secara statistik dan menyumbang kepada dapatan yang boleh digeneralisasikan (Creswell, 2014). Di samping itu, kajian ini juga berfungsi sebagai kajian rintis bagi menilai keberkesanan awal kursus, selaras dengan pandangan Neuman (2014) bahawa kajian awal ini penting untuk menguji kesesuaian instrumen dan metodologi sebelum pelaksanaan kajian utama.

Pendekatan kuantitatif ini membolehkan penyelidik menjalankan analisis statistik yang sistematik bagi mengenal pasti pola dan hubungan antara pembolehubah berkaitan persepsi pelajar terhadap kursus KIAR. Penggunaan platform Microsoft 365 Office dalam membangunkan dan mengedarkan soal selidik telah meningkatkan kecekapan pengumpulan data, di samping mengurangkan ralat manusia dan mempercepatkan proses analisis. Kaedah ini juga menyokong pelaksanaan kajian yang lebih berstruktur dan teratur. Seperti yang dinyatakan oleh Sugiyono (2017), metodologi deskriptif kuantitatif bertujuan menghuraikan fenomena secara faktual, sistematik dan tepat, termasuk bentuk, ciri, aktiviti dan hubungan antara elemen yang dikaji. Pendekatan ini, oleh itu, amat sesuai digunakan untuk mencapai objektif kajian yang memberi tumpuan kepada penilaian awal keberkesanan kursus KIAR dalam kalangan pelajar.

6.0 PENEMUAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil penemuan kajian bagi setiap objektif yang telah digariskan dalam penulisan kajian ini.

Jadual 1: Profil Responden

Kategori	Butiran	Jumlah (%)
Jantina	Lelaki	23 (35%)
	Perempuan	43 (65%)
Umur	18 - 20 tahun	3 (5%)
	21 - 23 tahun	58 (88%)

	24 - 26 tahun	5 (8%)
Program Pengajian	Sarjana Muda	63 (95%)
	Sarjana	3 (5%)
Tahun Pengajian	Tahun 1	28 (42%)
	Tahun 2	29 (44%)
	Tahun 3	8 (12%)
	Tahun 4	1 (2%)
Sumber Maklumat KIAR	Kuliah	36 (55%)
	Pembacaan sendiri	22 (33%)
	Aktiviti di luar bilik kuliah	4 (6%)
	Tiada	4 (6%)
Kekerapan penyertaan aktiviti integriti	Sering	17 (26%)
	Kadang-kadang	28 (42%)
	Jarang	18 (27%)
	Tidak pernah	3 (5%)
Pengalaman peribadi dalam kes-kes rasuah	Pernah	10 (15%)
	Tidak pernah	56 (85%)
Motivasi untuk Mengikuti Kursus Integriti dan Antirasuah	Untuk memperbaiki kemahiran peribadi	36 (55%)
	Untuk memenuhi keperluan kurikulum	7 (11%)
	Untuk mempengaruhi kerjaya masa depan	23 (35%)


N : 66 Orang

Sumber : Penyelidik (2024)

Jadual 1 menggambarkan profil demografi responden kajian, yang terdiri daripada 66 orang pelajar dari UMSKAL. Dari segi jantina, majoriti responden adalah perempuan (65%), manakala lelaki hanya 35%. Dalam kategori umur, sebahagian besar responden berumur antara 21 hingga 23 tahun (88%), menunjukkan bahawa pelajar ini berada dalam tahap pertengahan pengajian mereka. Dari segi program pengajian, hampir kesemua responden adalah pelajar Sarjana Muda (95%), dan hanya 5% adalah pelajar Sarjana. Kebanyakan responden berada pada Tahun 2 (44%), diikuti oleh Tahun 1 (42%), sementara itu hanya sebilangan kecil berada di Tahun 3 dan Tahun 4. Dalam kategori sumber maklumat mengenai KIAR, majoriti pelajar mendapatkan maklumat melalui kuliah (55%), manakala (33%) mendapat maklumat melalui pembacaan sendiri. Kekerapan penyertaan aktiviti integriti menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar terlibat dalam aktiviti tersebut kadang-kadang (42%), dengan hanya (5%) yang tidak pernah terlibat. Pengalaman peribadi dalam kes-kes rasuah adalah rendah, dengan (85%) responden tidak pernah mengalami situasi sedemikian. Motivasi utama untuk mengikuti kursus KIAR adalah untuk memperbaiki kemahiran peribadi (55%), diikuti oleh keperluan kurikulum dan mempengaruhi kerjaya masa depan.


Rajah 1 menunjukkan tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar mengenai integriti dan antirasuah selepas mengikuti kursus KIAR. Sebahagian besar pelajar menunjukkan kefahaman yang baik tentang konsep asas integriti dan kepentingan antirasuah dalam pendidikan, dengan (53%) atau 35 orang mengatakan setuju bahawa mereka faham konsep asas integriti dan (74.20%) atau 49 orang percaya antirasuah penting dalam pendidikan. Namun, terdapat kekurangan dalam pengetahuan mendalam tentang pelbagai jenis rasuah dan perbezaan antara rasuah dan hadiah, dengan masing-masing (50%) atau 33 orang dan (68.2%) bersamaan 45 orang responden menunjukkan tahap pemahaman yang rendah atau sederhana. Kursus ini dilaporkan memberikan pemahaman yang jelas tentang etika profesional (60.6%) atau 40 orang dan meningkatkan kefahaman tentang peraturan antirasuah (66.7%) iaitu 44 orang sangat setuju. Namun demikian, perlu

adanya ruang untuk penambahbaikan dalam mengajarkan langkah-langkah pencegahan rasuah dan cara melaporkannya. Secara keseluruhannya, bacaan aras linear menjurus kepada pilihan jawapan sangat setuju.



Sumber : Penyelidik (2024)


Rajah 1: Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Pelajar Selepas Mengikuti KIAR



Sumber : Penyelidik (2024)

Rajah 2: Kesan Mengikuti KIAR Terhadap Pengamalan Nilai Integriti

Melalui Rajah 2 jelas menunjukkan bahawa kursus KIAR memberikan kesan positif terhadap pengamalan nilai integriti dalam kalangan pelajar. Sebahagian besar pelajar mengamalkan prinsip integriti dalam tugas akademik mereka selepas kursus (59.1%) atau 39 orang 'sangat setuju' dan lebih cenderung untuk menghindari situasi mencurigakan iaitu seramai 41 orang (63.1%). Kursus ini juga meningkatkan keberanian pelajar untuk melaporkan kes rasuah (47%) atau 31 orang 'sangat setuju' dan subjek KIAR memberikan motivasi tambahan untuk mengamalkan integriti (63.6%) atau 42 orang 'sangat setuju'. Walau bagaimanapun, penggalakan kepada rakan-rakan untuk mengikuti kursus dan penggunaan pengetahuan dalam keputusan akademik adalah sederhana (65.2%) dan (60.6%) masing-masing. Bacaan aras linear bagi Rajah 2 juga menjurus kepada pilihan jawapan sangat setuju.



Sumber : Penyelidik (2024)

Rajah 3: Implikasi KIAR dalam Meningkatkan Kurikulum Pendidikan Tinggi

Rajah 3 ini menjelaskan pandangan pelajar mengenai implikasi kursus KIAR terhadap kurikulum pendidikan tinggi. Pelajar merasakan bahawa kurikulum pendidikan tinggi perlu menekankan nilai integriti dengan lebih baik (43.9%) atau 29 orang dan penyampaian kursus perlu ditingkatkan dengan kaedah yang lebih interaktif (57.6%) bersamaan 38 orang 'sangat setuju'. Kursus ini dianggap memberi input yang berguna untuk pembangunan kurikulum masa depan (62.1%) atau 41 orang 'sangat setuju'. Namun, seramai 42 orang memberikan respon 'sangat setuju' atau (64.6%) menyokong cadangan untuk menambah bahan pembelajaran dan aktiviti praktikal untuk meningkatkan kefahaman pelajar. Implikasi KIAR dalam meningkatkan kurikulum pendidikan tinggi menunjukkan bahawa pelajar merasakan kursus ini memberikan input yang berguna untuk pembangunan kurikulum masa depan dan bahawa kurikulum pendidikan tinggi perlu menekankan nilai integriti dengan lebih baik. Mereka juga berpendapat bahawa penyampaian kursus perlu

lebih interaktif dan disertakan dengan bahan pembelajaran serta aktiviti praktikal yang lebih banyak untuk meningkatkan kefahaman.

Hasil kajian ini seiring dengan penemuan kajian lepas yang menekankan kepentingan pendidikan etika dan integriti dalam meningkatkan kesedaran dan pengamalan nilai-nilai tersebut dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh, kajian Ruslan et al., (2020) cuba meneliti tahap pemahaman pelajar terhadap nilai etika dan moral dalam pendidikan tinggi melalui analisis sorotan literatur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemahaman terhadap nilai-nilai ini semakin berkurangan sekaligus menimbulkan kebimbangan terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Oleh itu, beliau mencadangkan agar institusi pengajian tinggi dapat memperkukuh program pembangunan sahsiah serta mengintegrasikan elemen etika dan moral dalam kurikulum bagi melahirkan graduan yang berakhlak mulia dan beretika.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa walaupun terdapat peningkatan dalam pengetahuan dan kefahaman mengenai integriti, terdapat keperluan untuk pengukuhan lanjut dalam aspek tertentu seperti jenis-jenis rasuah dan perbezaannya. Kesan mengikuti KIAR terhadap pengamalan nilai integriti menunjukkan bahawa kursus ini memberikan impak positif terhadap amalan nilai integriti di kalangan pelajar. Pelajar melaporkan bahawa mereka lebih cenderung untuk mengamalkan prinsip integriti dalam tugas akademik dan menghindari situasi mencurigakan selepas mengikuti kursus. Walau bagaimanapun, motivasi untuk melaporkan rasuah dan menggalakkan rakan-rakan mengikuti kursus adalah lebih sederhana, mencadangkan bahawa terdapat potensi untuk meningkatkan kesedaran dan tindakan aktif dalam aspek ini.

7.0 PERBINCANGAN

Analisis demografi menunjukkan majoriti responden adalah pelajar perempuan berusia 21 hingga 23 tahun dan mengikuti program Sarjana Muda, dengan kebanyakan mereka berada dalam fasa pertengahan pengajian. Maklumat mengenai KIAR diperoleh terutamanya melalui kuliah, membuktikan bahawa pengajaran formal memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran serta pemahaman pelajar tentang integriti dan antirasuah. Walaupun pengalaman langsung dengan kes rasuah rendah, kebanyakan pelajar mengikuti kursus ini untuk meningkatkan kemahiran peribadi. Selepas mengikuti KIAR, kefahaman pelajar tentang konsep asas integriti, kepentingan antirasuah, dan etika profesional meningkat. Namun, pemahaman mendalam mengenai jenis-jenis rasuah serta perbezaan antara rasuah dan hadiah masih lemah, menunjukkan keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek tertentu.

7.1 Pengaruh KIAR terhadap Reformasi Kurikulum

Pengenalan Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) sebagai Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) merupakan langkah strategik untuk memodernisasi dan memperkaya kurikulum pendidikan tinggi di Malaysia. Dengan memasukkan KIAR dalam kurikulum, IPT berhasrat untuk mengintegrasikan nilai etika dan integriti ke dalam proses Pendidikan untuk mempersiapkan pelajar bukan hanya untuk kejayaan akademik tetapi juga untuk menghadapi cabaran etika di tempat kerja dan masyarakat. Reformasi kurikulum ini melibatkan beberapa aspek utama seperti penekanan terhadap nilai etika dan integriti, pengembangan kemahiran berasaskan masalah (PBL), integrasi dengan dunia kerja, pendidikan berterusan dan pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran kepimpinan dan kerjasama, serta pembangunan sikap sosial dan tanggungjawab. Dengan pendekatan ini, IPT

berusaha untuk menghasilkan graduan yang tidak hanya cemerlang dari segi akademik tetapi juga mempunyai prinsip moral yang kukuh dan kemahiran praktikal yang relevan dengan keperluan masyarakat moden.

7.2 Penekanan terhadap Nilai Etika dan Integriti

Kursus KIAR memberi penekanan utama pada nilai etika dan integriti dalam konteks pendidikan tinggi. Pendekatan ini adalah langkah penting dalam mengubah perspektif pendidikan daripada hanya berfokus pada pencapaian akademik kepada pembentukan nilai-nilai moral yang kukuh. Ruslan et al., (2020) mengkaji dan mendapati bahawa pemahaman mendalam mengenai nilai etika dan moral yang membentuk asas peradaban, manakala institusi pendidikan tinggi menerapkan nilai ini secara langsung melalui kurikulum dan secara tidak langsung melalui budaya akademik. Pihak universiti yang mengamalkan etika dan integriti dapat mengurangkan amalan tidak beretika seperti plagiarisme serta melahirkan pemimpin yang bertanggungjawab, namun mereka menghadapi cabaran untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar. Oleh itu, institusi pendidikan tinggi perlu memperkukuh inisiatif pengajaran etika dengan menjalankan program kesedaran, latihan, serta melaksanakan dasar akademik yang lebih ketat bagi memastikan integriti menjadi asas dalam pembentukan modal insan.

7.3 Pengembangan Kemahiran Berasaskan Masalah (PBL)

Kursus KIAR sering menggunakan pendekatan pengajaran berasaskan masalah (PBL) yang menggalakkan pelajar menyelesaikan masalah sebenar yang berkaitan dengan integriti dan rasuah. Kaedah ini memberikan pelajar peluang untuk berlatih kemahiran berfikir kritikal dan penyelesaian masalah dalam konteks yang relevan. Reformasi kurikulum ini menyokong pembelajaran yang lebih aktif dan dinamik, berbanding dengan pendekatan pengajaran yang pasif. Pun begitu, kajian Mohd Zulfaqar (2021) mendapati bahawa institusi pengajian tinggi di Malaysia sedang giat menjalani transformasi, tetapi mereka berdepan dengan cabaran besar dalam mengekalkan kualiti akademik, meningkatkan kebolehpasaran graduan, dan menerapkan nilai integriti dalam setiap aspek operasi serta kurikulum. Walaupun pihak berkuasa pendidikan berusaha memodenkan sistem pengajian tinggi, jurang antara keperluan industri dan pencapaian akademik masih wujud. Oleh itu, institusi pengajian tinggi perlu merangka reformasi kurikulum yang lebih menyeluruh serta memberi penekanan lebih mendalam terhadap etika dan integriti dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar.

7.4 Integrasi dengan Dunia Kerjaya

Pelaksanaan subjek KIAR juga menggalakkan IPT untuk menjalin kerjasama dengan industri untuk memberikan pelajar pengalaman praktikal yang berkaitan dengan etika dan integriti di tempat kerja. Langkah ini dapat menjadikan kurikulum lebih relevan dengan keperluan industri dan menjamin pelajar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran sebenar dalam dunia kerja. Menurut Jamal @ Nordin (2022), pendidikan tinggi di Malaysia perlu segera menyesuaikan diri dengan cabaran dan peluang dalam era Society 5.0 bagi memastikan relevansi sistem pendidikan negara dengan perkembangan global. Pengukuhan kurikulum, pelaburan dalam teknologi, serta penyediaan latihan berterusan kepada tenaga pengajar merupakan langkah penting untuk memastikan graduan Malaysia dapat berdaya saing di peringkat antarabangsa.

7.5 Pendidikan Berterusan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pengenalan subjek KIAR di IPT bukan sahaja menekankan kepentingan integriti dan antirasuah, tetapi juga mengukuhkan konsep pendidikan berterusan serta pembelajaran sepanjang hayat, khususnya dalam aspek etika dan moral. Kajian oleh Septiliana et al. (2022) menegaskan bahawa tanpa integriti dan nilai moral yang kukuh, kemajuan teknologi berisiko untuk disalahgunakan, mengakibatkan masalah seperti pencabulan privasi, penipuan digital, dan ketidakaksamaan sosial. Oleh itu, kurikulum universiti perlu memberi penekanan berterusan terhadap pendidikan etika dan integriti bagi melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang secara akademik, tetapi juga berdaya saing, beretika, dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

7.6 Kemahiran Kepimpinan dan Kerjasama

KIAR sering melibatkan aktiviti yang memerlukan kerja kumpulan dan pengembangan kemahiran kepimpinan. Melalui projek kumpulan dan perbincangan, pelajar dapat mengasah kemahiran sosial mereka seperti komunikasi, kepimpinan, dan kerjasama. Sebagai contoh, pelajar UMSKAL yang mengambil KIAR perlu menghasilkan video Public Service Announcement (PSA) berkaitan tajuk integriti dan kesalahan rasuah yang telah diberikan oleh pensyarah sebagai salah satu tugas berkumpulan yang perlu dipenuhi sebagai syarat penilaian markah pelajar. Reformasi kurikulum ini memupuk kemahiran interpersonal yang tidak hanya penting untuk kejayaan akademik tetapi juga untuk kejayaan dalam kerjaya. Kurikulum yang merangkumi elemen ini akan menghasilkan graduan yang lebih baik dalam berfungsi dalam kumpulan dan memimpin dengan etika, (SPRM, 2022).

7.7 Pembangunan Sikap Sosial dan Tanggungjawab

Subjek KIAR juga menggalakkan pelajar untuk mengembangkan sikap sosial dan tanggungjawab. Dengan memasukkan isu-isu sosial dan etika dalam kurikulum, IPT dapat membentuk graduan yang bukan sahaja kompeten dalam bidang akademik tetapi juga mempunyai kesedaran tinggi mengenai tanggungjawab sosial mereka, (KPT, 2024). Reformasi ini mungkin melibatkan pengajaran tentang kesan sosial dari amalan etika dan bagaimana membuat keputusan yang mempertimbangkan kepentingan masyarakat. Hal ini juga dapat membantu membentuk pelajar menjadi individu yang lebih bertanggungjawab dan peka terhadap isu-isu sosial.

Secara keseluruhannya, subjek KIAR sebagai kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) di IPT berpotensi mendorong reformasi dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran dengan menekankan aspek etika, kemahiran penyelesaian masalah, integrasi dengan dunia kerja, dan pembelajaran berterusan. Azri (2023) dalam kajiannya mengenai kualiti dan kebolehpasaran graduan kolej vokasional menekankan bahawa pendidikan berteraskan nilai integriti dan etika dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan. Oleh itu, pengukuhan nilai-nilai ini dalam sistem pendidikan tinggi bukan sahaja dapat membentuk graduan yang lebih kompetitif di pasaran kerja tetapi juga melahirkan individu yang berintegriti serta bertanggungjawab terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

8.0 KESIMPULAN

Kajian ini menilai kesan kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) terhadap pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) melalui pendekatan kuantitatif menggunakan soal selidik. Hasil kajian menunjukkan KIAR

berjaya meningkatkan pengetahuan asas pelajar mengenai integriti dan antirasuah, namun terdapat kekurangan dalam pemahaman mendalam tentang jenis rasuah serta perbezaannya dengan hadiah. Penilaian skala Likert mendapati pelajar memahami etika profesional dan peraturan antirasuah serta mengamalkan prinsip integriti secara positif. Walau bagaimanapun, kaedah pengajaran perlu lebih interaktif dengan aktiviti praktikal seperti lawatan ke pusat koreksional atau prosiding mahkamah. KIAR juga memberi impak signifikan terhadap reformasi kurikulum, dengan menambahbaik kaedah penyampaian dan bahan pembelajaran bagi memperkukuh kefahaman pelajar.

9.0 RUJUKAN

- Al-Maraghi, A. H. (2001). Tafsir al-Maraghi. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Quran dan Terjemahan
- Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia. (2024). Prospek 2025. Laporan Tahunan MACA 2024. Dalam https://gmaca.sprm.gov.my/media/uploads/portal/laporan_tahunan/pdf/LaporanTahunan_1115_PDF_BM.pdf?utm_source=chatgpt.com. Diakses pada 07 April 2025.
- Astro Awani. (2022, Jun 07). Kursus Integriti dan Antirasuah di IPT Pastikan Pelajar Cakna Kesan Rasuah – MPKK. Dalam [Kursus Integriti dan Antirasuah di IPT pastikan pelajar cakna kesan rasuah - MPPK | Astro Awani](#). Diakses pada 20 Februari 2025.
- Ayu Nor Azilah, M., Zahanim, A., Hamdi, K. K., & Ahmad Adib Akmal, A. S. (2023). Kajian Pemahaman Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Di Lembah Klang Tentang Ciri-Ciri Rasuah Dalam Proses Pembelajaran. International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSYAL 2023). 15 November 2023.
- Azri, S. (2023). Kualiti dan Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional. Jurnal Penyelidikan Teknokrat. II, (24), 88-109.
- Bahagian Audit Dalam, Universiti Putra Malaysia. (2023). Selamatkan Belia Dari Gejala Rasuah. Dalam <https://audit.upm.edu.my/>. Diakses pada 24 Februari 2025.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). Research methods in education (8th ed.). Routledge
- Creswell, J. W. (2014). Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches. Sage Publications.
- Georgetown University. (2025). Kennedy Institute of Ethics (KIE). Dalam <https://kenedyinstitute.georgetown.edu/>. Diakses pada 24 Februari 2025.
- Hadijah, J., & Anas Suzastri, A. (2024). Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR): Impak Terhadap Sikap dan Tingkah Laku Mahasiswa Dalam Menangani Cabaran Rasuah. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024). 17-18 Julai 2024.
- Heliany, I., Asmadi, E., Sitinjak, H., & Lubis, A. F. (2023). The Role of Corruption Education in Combating Corruption Crimes in The Future. JPH: Jurnal Pembaharuan Hukum. 10 (2), 256-270.
- Jamal @ Nordin, Y. (2022). Peluang dan Cabaran Pendidikan Tinggi Di Era Society 5.0 Dalam Konteks Pendidikan Tinggi di Malaysia. Management Research Journal. 11(2), 74-79.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2024). Kurikulum Pendidikan Tinggi: Penekanan Terhadap Integriti. Dalam <https://www.mohe.gov.my/kurikulum-integriti>. Diakses pada 29 Ogos 2024.

- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). (2022). *Integriti dan Pendidikan Tinggi: Langkah-Langkah Strategik*. Kuala Lumpur: SPRM.
- Mohamad Tarmize, A.M. (2020). Pencegahan Rasuah Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC2020). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohamed Zin, M., Che Din, M. A., Mohd Arifin, A., & Che Ahmad, N. K. (2023). Persepsi Awal Para Pelajar Kejuruteraan Teknologi Di Universitas Swasta Terhadap Amalan Rasuah (Korupsi) Di Dalam Kerjaya. *Journal of Digital Education, Communication, and Arts*. 6 (2), 88-98.
- Mohd Zain @Matjin, L., Bikar Singh, S. S., Rabe, Z. R., Abdul Rajun, I. S., & Manining, A. (2024). A Theoretical Framework to Study the Impact of Integrity Practises on Teachers Quality in Rural Schools. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), p. e002319. doi: 10.47405/mjssh.v9i1.2319.
- Mohd Zulfaqar, M. N. (2021). Perkembangan dan Cabaran Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6 (6), 169-177. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.808>
- Neuman, W. L. (2014). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Pearson.
- Rahman, A. A., Abd Aziz, M. Y., Salleh, A. Z., & Kamarulzaman, A. N. (2024). Peranan Kerajaan Dalam Pendidikan Antirasuah Di Malaysia Dan Impaknya Terhadap Masyarakat. *Jurnal Pengurusan Fatwa dan Penyelidikan Fatwa*. 29 (1), 129–141. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no1.574>
- Ruslan, H., Farid, M. Z., Kaseh, A. B., & Azmul Fahimi, K. (2020). Kefahaman Nilai Etika Dan Moral Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Sorotan Literatur. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 21, 126–141. <https://doi.org/10.17576/malim-2020-2101-10>
- Rusli, P. R., Djaafar, L., & Mozin, N. (2023). Strategi Membangun Kesedaran Moral Anti Korupsi Pada Siswa di SMAN 4 Gorontalo. *Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran*. 7 (2), 3567-3578.
- Septiliana, L., Shaleh., Fina Hanifah, H. (2024). Landasan Etika Mahasiswa Dalam Menghadapi Tantangan Era Revolusi 4.0. *Jurnal Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Borneo*. 5 (2), 147-158.
- Sinar Harian. (2022, 04 Jun). Kursus Integriti, Antirasuah Diwajibkan di IPT Tahun Depan.
- Sugiyono. (2017). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R & D*. Bandung: Alfabeta.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). (2021). *Laporan Tahunan Integriti dan Antirasuah 2020*. Putrajaya: SPRM.